



**KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**  
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya  
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8889 7957  
Laman web: [www.kwp.gov.my](http://www.kwp.gov.my)

---

## **KENYATAAN MEDIA**

### **WARGA PPR DAN PA DBKL DITEMPATKAN DI PKRCS KHAS UNTUK KUARANTIN KENDIRI SECARA PERCUMA MULAI HARI INI**

Pada masa ini mereka yang di dapati positif Covid-19 tetapi tidak bergejala (kategori 1) atau bergejala ringan (kategori 2) adalah dikehendaki untuk membuat kuarantin kendiri di rumah masing-masing.

Namun didapati ramai dalam kalangan mereka yang terlibat mendiami rumah yang sempit dan sesak terutama keluarga B40 di PPR dan PA DBKL yang tidak sesuai untuk menjalani kuarantin kendiri. Mereka juga tidak mampu untuk ke Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah Swasta (PKRCS) berbayar.

Setelah berbincang dengan pelbagai agensi yang berkaitan semasa mesyuarat CCMC-WP memutuskan untuk memindahkan dan menempatkan sebilangan mereka yang positif bagi kategori 1 dan 2 ke beberapa hotel yang dikhurasukan sebagai PKRCS khas bagi mengelakkan jangkitan dalam kalangan keluarga. 4 PKRCS khas di WP Kuala Lumpur yang terlibat mulai hari ini adalah:

- i) Hotel Royal Chulan, Jalan Conlay
- ii) International Youth Center, Bandar Tun Razak, Cheras
- iii) Tamu Hotel Kampong Bharu
- iv) Hotel Travelodge City Centre, KL

Operasi memindahkan kira-kira seribu orang golongan terbabit bermula pada hari ini dengan kerjasama Covid Assessment Centre (CAC), Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWPKL) dan beberapa agensi/jabatan kerajaan yang berkaitan. Kementerian juga sedang berusaha untuk menyediakan lebih banyak kemudahan pusat rawatan Covid-19 di Wilayah Persekutuan bagi membantu golongan yang menghadapi masalah kuarantin kendiri.

Tindakan ini dapat membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk mengelakkan peningkatan kes positif yang berpunca daripada kontak rapat dalam kalangan ahli keluarga.

**“Perangi Covid-19: Tingkatkan Usaha, Menang Bersama”**

**TAN SRI TPr ANNUAR HJ MUSA**  
**Menteri Wilayah Persekutuan**  
**Merangkap Penggerusi Pusat Penyelasaran dan Pengurusan Covid-19 Wilayah Persekutuan (CCMC-WP)**